



Ruj. Kami : JPA.(S).600-5/4/37 (17)  
Tarikh : 19 Ogos 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/  
Puan,

**URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN JAWATAN SETIAUSAHA  
PEJABAT GRED N36 KE GRED N40 PERKHIDMATAN GUNASAMA  
PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan persediaan pemangkuan jawatan Setiausaha Pejabat Gred N36 ke Gred N40. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat Setiausaha Pejabat (SP) Gred N36 yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Telah dinaikkan pangkat sebagai SP Gred N36 pada **31 Disember 2019 dan sebelum;**
- (ii) Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh naik pangkat ke SP Gred N36 berubah ke tarikh 1 Januari 2020 dan seterusnya;

..2/

- (iii) Markah LNPT tahun terkini (2023) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2021, 2022, 2023) **tidak kurang 80%**;
- (iv) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (salinan hendaklah disertakan);
- (v) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- (vi) Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- (vii) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- (viii) **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** seperti dilampirkan dan mengemukakannya kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing. Pihak BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah melengkapkan maklumat perkhidmatan pegawai di **Lampiran E** dan diemelkan ke alamat e-mel seperti di Perenggan 5 manakala **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut **sebelum atau pada 17 September 2024**:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 W.P. PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

4. BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan juga perlu memastikan supaya **hanya maklumat pegawai yang layak dipertimbangkan sahaja** seperti dinyatakan di **Perenggan 2** dikemukakan ke **Bahagian Perkhidmatan, JPA**. Selain itu, BPSM perlu menyemak dan mengesahkan agar semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan maklumat terkini yang dicatatkan di dalam buku rekod perkhidmatan pegawai. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan urusan pemangkuan pegawai tersebut tidak dipertimbangkan. Maklumat pegawai yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

5. Bagi memastikan urusan ini dilaksanakan secara teratur, disertakan Prosedur Urusan Persediaan Pengisian Kekosongan Jawatan Setiausaha Pejabat Gred N40 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan seperti di **Lampiran I** untuk panduan dan rujukan. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- (i) Puan Aleeza binti Mohamed Idris - 03-8885 4311  
aleeza.idris@jpa.gov.my
- (ii) Puan Nur Amirah Amanina binti Mohd Dzohiri - 03-8885 4939  
amirah.dzohiri@jpa.gov.my


6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)**

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110

✉ : [nursara.abdullah@jpa.gov.my](mailto:nursara.abdullah@jpa.gov.my)

**PROSEDUR URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN  
JAWATAN SP GRED N40 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

